

B581
BANDAR
(1)

1981

KOTA KINABALU, 17 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DENGAN RASMINYA MENAMAKAN BANDAR SATELIT BARU YANG MENELAN BELANJA \$1.600 JUTA DI LIKAS, SATU SETENGAH KILOMETER DARI SINI SEBAGAI +LEKAS-JAYA+.

BELIAU MEMILIH PERKATAAN +LEKAS+ KERANA IA SEAKAN-AKAN DENGAN LIKAS DAN BERHARAP PROJEK ITU AKAN MEMBANGUN DENGAN CEPAT.

PERDANA MENTERI MENAMAKAN BANDAR ITU SETELAH MENDENGAR TAKLIMAT YANG DIBERIKAN OLEH PARA AKITEK PROJEK TERSEBUT.

ANTARA YANG TURUT HADIR DI MAJLIS PENAMANAAN ITU YANG DIBUAT DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI TALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH, DATIN RUPIAH DAN Pengerusi KIM GUAN SENG GROUP YANG MENGENDALIKAN PROJEK ITU, DATUK WEE BOON PING.

PROJEK ITU YANG AKAN DIBANGUNKAN DALAM TIGA PERINGKAT AKAN SIAP PADA TAHUN 1990.

—BERSAMBUNG 1707/AN

B593
BANDAR 3 KOTA KINABALU

PROJEK ITU DISERTAI OLEH PERMODALAN BUMIPUTRA SABAH BERHAD, SEBUAH ANAK SYARIKAT YAYASAN BUMIPUTRA SABAH YANG TELAH DIBERIKAN MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR SYARIKAT DI NEGERI INI, SEBUAH AGENSI YANG AKAN DINAMAKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KIM CHUAN SENG HOLDINGS SDN. BHD.

PERMODALAN BUMIPUTRA SABAH AKAN MEMPUNYAI 30 PERATUS EKUITI, AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN 30 PERATUS DAN KIM CHUAN SENG HOLDINGS 40 PERATUS DALAM SATU USAHASAMA YANG DINAMAKAN LIKAS PROPERTIES SDN. BHD YANG AKAN MEMBANGUNKAN BANDAR ITU.

PROJEK TERSEBUT MENGANDUNGI SETENGAH JUTA KAKI PERSEGI KAWASAN PEJABAT, 160 UNIT APARTMEN BERTINGKAT, HAMPPIR SEJUTA KAKI PERSEGI BAGI RUMAH KEDAI, SATU JUTA KAKI PERSEGI KAWASAN PERDAGANGAN DAN HOTEL ANTARABANGSA YANG MEMPUNYAI 1,000 BUAH BILIK.

— BERNAMA 1740/SZ